

07/07/2001

'Pelajar tidak terkecuali tindakan undang-undang'

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelajar, seperti juga rakyat lain, tidak terkecuali daripada tindakan undang-undang jika kegiatan mereka mengancam keselamatan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, pelajar yang terbabit dalam sebarang kegiatan mengancam keselamatan pasti akan dikenakan tindakan berdasarkan undang-undang berkaitan.

"Polis akan menentukan undang-undang apa yang akan digunakan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan radio milik Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) - Radio Ikim.fm, di sini hari ini.

Beliau ditanya kenapa Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA) digunakan untuk menahan aktivis pelajar, Khairul Anuar Ahmad yang ditahan mengikut Seksyen 73 (1) akta itu, semalam.

Pelajar Institut Kemahiran Mara (IKM) itu ditahan pada jam 11.30 pagi ketika mengiringi enam aktivis pelajar yang dikehendaki melaporkan diri di Balai Polis Dang Wangi berhubung siasatan kes perhimpunan haram di Masjid Negara, 8 Jun lalu.

Dr Mahathir berkata, penahanan itu ada kaitan dengan keselamatan negara dan bukan berkaitan kesalahan mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti (Auku-pindaan 1996).

Mengenai dakwaan pembangkang bahawa kerajaan menggunakan ISA untuk menakut-nakutkan pelajar, beliau berkata, pelajar boleh menyuarakan pandangan tetapi jika menyertai kegiatan haram, ia menjadi persoalan lain.

"Jika mereka berdemonstrasi dan menghalang orang lain daripada menjalankan urusan harian masing-masing, maka itu sudah menjadi perkara yang berbeza," katanya.

Mengenai lima kakitangan Kementerian Dalam Negeri (KDN) termasuk seorang pegawai kanan ditahan polis kerana disyaki memalsukan dokumen kemasukan pendatang asing, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak memilih siapa dan tindakan akan dikenakan jika mereka melakukan kesalahan.

Mengulas mengenai undang-undang siber, beliau berkata, ia diperlukan setelah terbukti Internet disalah guna untuk menyebarkan maklumat salah dan pornografi.

"Ini sebenarnya merosakkan moral masyarakat. Kita mahu menggunakan Internet supaya rakyat boleh mendapat lebih banyak maklumat tetapi bukan sesuatu yang disalahtafsirkan," katanya.

(END)